

02/03/2003

Tengku Razaleigh cadang umum nama calon lebih awal

Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah mencadangkan nama calon Umno di seluruh negara pada pilihan raya umum akan datang diumumkan lebih awal untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional.

Langkah itu, katanya, mampu mengelakkan pihak tertentu menggunakan faktor ketidakseragaman langkah yang diambil Umno sebagai alasan jika tewas pada pilihan raya.

Beliau menyerahkan kepada kepimpinan tertinggi Umno, khususnya Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang diberikan tanggungjawab mengkaji cadangan Badan Perhubungan Umno Kelantan yang mahu nama calon diumumkan lebih awal.

Beliau secara peribadi menerima pelbagai maklum balas pro dan kontra daripada pelbagai peringkat ahli Umno berhubung cadangan itu, termasuk pendapat yang menyatakan, calon pilihan raya yang diperkenalkan lebih awal, akan menghadapi pelbagai masalah menjelang pilihan raya.

"Semua cadangan ada pro dan kontra. Yang buruknya, kita terima padahnya lebih awal. Yang baiknya, kita bernasib baik berjaya.

"Ada orang beritahu saya, teruk dia kalau dia dipilih awal sebagai calon. Dia kena tanggung segala bebanan. Belum jadi Wakil Rakyat, duit pun dia kena tanggung.

"Barangkali tak dapat dia menjadi calon yang baik kerana ditimbunkan dengan pelbagai masalah," katanya selepas menyampaikan diploma dan ijazah kepada graduan Institut Pengurusan Malaysia (MIM), di The Mines, Seri Kembangan, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Presiden MIM, Tun Hanif Omar dan Pengerusi MIM, Datuk Khoo Eng Choo. Tengku Razaleigh adalah bekas Pengerusi MIM.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed untuk memperkenalkan calon pilihan raya lebih awal.

Diminta mengulas lanjut, Tengku Razaleigh berkata, jika kajian itu mendapati ia sesuai dilaksanakan, ia wajar membabitkan Umno di seluruh negara kerana Umno sebagai tunjang Barisan Nasional (BN) tidak perlu membeza-bezakan langkah bagi memperkukuh Umno secara keseluruhannya.

"Kalau Tan Sri Muhammad berpendapat cadangan itu baik, barangkali kepimpinan peringkat atas boleh buat keputusan.

"Jangan pula satu standard untuk Kelantan, lain standard untuk negeri lain. Satu parti, kita kena adakan satu amalan yang boleh diterima semua pihak. Nanti jadi alasan pula mengapa sini menang, sana kalah. Sini baik, sana tak baik," katanya.

Pada awal Februari lalu, Mustapa dilaporkan berkata, Umno Kelantan bercadang menamakan calon pilihan raya lebih awal bagi memberikan lebih banyak masa kepada rakyat Kelantan untuk mengenali pemimpin mereka.

Sehubungan itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menugaskan Muhammad untuk mengkaji cadangan itu.

Muhammad dilaporkan sudah menghubungi beberapa pemimpin Umno Kelantan untuk mendapatkan maklum balas berhubung kewajaran cadangan itu.